

# **UNIMAS AKAN LAKSANA LARANGAN PENGGUNAAN VAPE**

**27 November 2015**

- The Borneo Post Online  
Oleh Patricia Gari

KUCHING: Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) akan melaksanakan larangan penggunaan vape atau rokok elektronik di kawasan kampus universiti itu, tegas Timbalan Naib Canselornya Profesor Mohd Fadzil Abdul Rahman.

Beliau berkata UNIMAS menyokong penuh usaha Kementerian Pendidikan Tinggi itu apatah lagi UNIMAS sudah lama mewartakan kawasan kampus universiti sebagai kawasan larangan merokok.

“Kami telah mencapai keputusan dan persetujuan ketika mesyuarat melibatkan 20 naib canselor Universiti Awam (UA) baru-baru ini dan UNIMAS tidak terkecuali.

“Larangan merokok sudah lama dikuatkuasakan di dalam kawasan kampus dan ia bukan hanya melibatkan pelajar tetapi semua termasuk staf. Sekarang kami akan memanjangkannya kepada vape,” katanya kepada Utusan Borneo.

Mohd Fadzil berkata hasil kajian pakar mendapati cecair vape mengandungi bahan seperti nikotin dan kimia lain yang memudaratkan kesihatan.

Mengenai bentuk denda yang dikenakan kepada mereka yang didapati menggunakan rokok elektronik di kawasan kampus, beliau berkata pihaknya akan bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia.

“Seperti denda atas kesalahan merokok dalam kawasan kampus adalah kami akan rujuk kepada Kementerian Kesihatan Malaysia.

“Mereka yang akan menentukan jumlah denda berdasarkan bentuk kesalahan,” jelasnya.

Sementara itu, Bernama baru-baru ini memetik Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Seri Idris Jusoh sebagai berkata pada mesyuarat Jumaat lepas (20 November) semua 20 UA bersetuju mengharamkan penggunaan vape di kampus masing-masing.

Menurut Idris arahan larangan penggunaan vape dikuatkuasakan kerana pihak universiti mahu menjadikan kawasan kampus sebagai zon hijau.

Idris berkata, penggunaan vape adalah larangan terbaru selain pihak universiti telah lama menjadikan kawasan kampus bebas daripada merokok.

“Perkara ini telah diputuskan oleh naib canselor masing-masing yang memang mempunyai autonomi untuk melaksanakan sebarang peraturan tanpa melibatkan campur tangan kerajaan,” katanya.